

Guna Akta 574 hukum 'Datuk' palsu

KUALA LUMPUR 11 Jan. - Kerajaan disaraskan menggunakan Kanun Keseksaan Malaysia (Akta 574) untuk menghukum individu yang mendapat gelaran 'Datuk' dengan membayar kepada pihak tertentu kerana belum wujud undang-undang khusus bagi kes tersebut di negara ini.

Pensyarah Pusat Pengajian Antarabangsa, Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia (UUM), **Prof. Madya Dr. Mohd. Azizuddin Mohd. Sani** berkata, sekiranya wujud undang-undang yang dikhuluskan untuk kesalahan menipu bagi mendapatkan gelaran 'Datuk' palsu, maka lebih mudah pihak berkuasa seperti polis mengambil tindakan terhadap mereka yang terbabit.

"Mereka yang didapati bersalah di bawah akta itu boleh didenda dan

dipenjara dalam tempoh tertentu jika sabit kesalahan," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Menurutnya, tindakan undang-undang yang diwujudkan itu bukan sahaja dikhuluskan kepada 'Datuk', bahkan jawatan doktor juga banyak melibatkan penipuan kerana ada yang menggunakan ijazah tidak sah.

Utusan Malaysia hari ini mela-porkan terdapat segelintir individu sanggup membayar RM40,000 hingga mencecah RM100,000 bagi memiliki darjah dan pingat palsu dari negara jiran.

Jumlah itu belum lagi mengambil kira imbalan yang harus diberikan kepada 'raja' atau 'sultan' terlibat se-lepas anugerah diterima.

Darjah yang dianugerahkan oleh 'raja' atau 'sultan' dari negara-nega-

ra jiran itu tidak diiktiraf oleh kerajaan negara ini.

Sementara itu, Ketua Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan, Universiti Putra Malaysia (UPM), **Prof. Dr. Ahmad Tarmizi Ta-lib** berkata, jika masalah rasuah dapat dibendung, kes Datuk palsu akan turut selesai kerana individu yang membeli gelaran itu umpama memberi rasuah kepada pihak terlibat.

"Gelaran Datuk merupakan gantaran yang diberikan daripada pihak istana kepada individu yang banyak memberikan sumbangan dan jasa kepada negara.

"Apabila gelaran itu dibeli dengan mudah, bermakna individu tersebut telah memberi rasuah kepada pihak 'istana' walaupun mereka sebenarnya tidak layak mendapat gelaran Datuk," katanya.